

## BIDANG KEPAKARAN

1. Teknologi Hijau  
(*Green Technology*)
2. Pengurusan Kelestarian  
(*Sustainability Management*)
3. Pengurusan Alam Sekitar dan Air  
(*Environmental and Water Management*)



PROF. MADYA Ts. DR. LEE KHAI ERN  
Ketua Pusat Penyelidikan SGK

## PROFIL

Profesor Madya Ts. Dr. Lee Khai Ern merupakan Ketua Pusat Penyelidikan Sains dan Governans (SGK), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau mempunyai kepakaran dalam Teknologi Hijau (Green Technology) dan Pengurusan Kelestarian (Sustainability Management). Sebelum Dr. Lee menyertai UKM sebagai seorang ahli akademik, beliau pernah bekerja di syarikat antarabangsa yang berpangkalan di Amerika Syarikat di mana beliau merupakan Ketua Auditor yang diiktiraf oleh International Register of Certificated Auditors (IRCA) dan menyelaras hal-ehwal kualiti, alam sekitar, kesihatan dan keselamatan bagi korporat. Dr. Lee juga pernah menjawat sebagai Timbalan Pengarah (Infrastruktur & Instrumentasi) di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) dan merupakan peneraju bagi Makmal i-CRIM. Kini, Dr. Lee merupakan seorang Felo Kanan di LESTARI, beliau juga merupakan seorang Felo di Jeffrey Sachs Center on Sustainable Development (JSC), Sunway University. Dengan kepakaran beliau dalam bidang Teknologi Hijau, beliau telah diiktiraf oleh Malaysia Board of Technologists (MBOT) sebagai Professional Technologist. Dr. Lee juga merupakan seorang Mediator Panel Berakreditasi di Malaysian Mediation Centre, Bar Council of Malaysia di mana beliau kini mengetuai Kumpulan Mediasi Lestari di UKM. Dr. Lee juga merupakan Ahli dalam Young Scientist Network-Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM). Dr. Lee telah dilantik oleh United Nations Centre for Regional Development (UNCRD) sebagai seorang pakar dalam bidang rawatan air sisa. Beliau juga merupakan salah seorang Focal Person untuk Sustainable Development Solutions Network-Malaysia Chapter. Dr. Lee merupakan alumni Leadership for Sustainability, United Nations University (UNU). Dengan kepakaran beliau dalam bidang Pengurusan Kelestarian, beliau pernah terlibat dalam projek kebangsaan dan industri seperti Water Sector Transformation, Penang Green Agenda 2030, Perak Sustainable Green Plan 2030, Dasar Alam Sekitar 2022 dan Responsible Care. Dr. Lee juga merupakan pemenang Anugerah Bitara Sarjana Harapan 2018 dan Anugerah Bitara Makalah (Sains Sosial) 2020 serta menerima Anugerah Top Cited Paper daripada Elsevier. Dr. Lee kini merupakan Certified ESG Practitioner.